



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2014
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*


Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman bercetak.

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan membaca**. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]


Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Anda telah menyertai program pengantarabangsaan yang dianjurkan oleh sekolah anda. Anda berhasrat untuk menceritakan pengalaman sepanjang menyertai program tersebut.

Ceritakan pengalaman anda.

2. Bersempena dengan Karnival Kokurikulum peringkat sekolah, pelbagai aktiviti dijalankan termasuk pertandingan syarahan. Anda berminat untuk menyertai pertandingan syarahan tersebut. Tajuk syarahan yang anda pilih ialah “Peranan Ibu Bapa dalam Memupuk Gaya Hidup Sihat”.

Sediakan teks syarahan itu selengkapnya.



Sumber: Portal Rasmi Lembaga Lebuhraya Malaysia pada 2 Julai 2014

3. Statistik di atas menunjukkan bahawa tidak kurang daripada 47 kemalangan telah dilaporkan berlaku pada setiap hari di lebuhraya tidak termasuk jalan-jalan lain.

Selaku rakyat yang prihatin, cadangkan langkah-langkah yang berkesan yang boleh dilakukan untuk mengatasi kemalangan jalan raya. Cadangan anda hendaklah dihuraikan dan disertai oleh bukti yang kukuh.

4. Kedatangan buruh asing ke negara kita mendatangkan pelbagai kesan. Bincangkan.
5. Tulis sebuah karangan yang bertajuk “Kalau Saya Kaya”.

KERTAS SOALAN TAMAT